

## BAB 3

### PENGENALAN KITAB *AL-ARBA‘ĪN AL-BULDĀNIYYAH*

#### SHEIKH YĀSĪN AL-FĀDĀNĪ

##### 3.1 Pengenalan

Keprihatinan Ulama yang besar terhadap Hadith-Hadith Nabi s.a.w., mengkaji dan mengumpulkannya dalam macam-macam metode dan bentuk telah menjadi motivasi bagi generasi setelahnya untuk mengikuti jejak mereka.

Mereka telah berjaya menyusun dan menciptakan metode yang pelbagai dalam menjaga dan melestarikan Hadith Nabi s.a.w. dan antaranya adalah mengumpulkan dan menyusun sebanyak 40 Hadith Nabi s.a.w. sama ada nabawiyah mahupun qudsiyah dalam tema-tema tertentu sesuai dengan motif kitab tersebut dibuat. Metode itu kemudian dikenal dengan istilah *al-Arba‘īnāt*, yang sejak masa Abd Allāh bin al-Mubārak (m.181H) karya bentuk ini sentiasa lahir dan tumbuh sehingga masa dan generasi sekarang ini.

Bab sebelumnya ini merupakan penghantar kepada bab ketiga ini. Bab ini pula mengandungi fokus kajian, dan dimulakan dengan sumbangan Ulama Nusantara dalam karya *al-Arba‘īnāt* ini. Kemudian tumpuan kajiannya adalah mengungkapkan dan mendedahkan fakta atau data yang berkaitan dengan kitab *al-Arba‘ūn al-Buldāniyyah*.

Kemudian data-data itu dikumpulkan dan disusun secara tartib dan sistematik, sehingga memberikan deskripsi atau gambaran yang jelas tentang kitab *al-Arba‘ūn al-Buldāniyyah* karya Sheikh Yāsīn al-Fādānī. Manakala kajian pada bab ini merangkumi nama dan maksud kitab, terbitan, cetakan dan spesifikasi kitab, Hadith-Hadith yang terdapat didalamnya, serta sumber rujukan kepada kitab *al-Arba‘ūn al-Buldāniyyah* ini.

### 3.2 Sumbangan Ulama Nusantara dalam *al-Arba'nāt*

Perkembangan penulisan Hadith *al-Arba'in* di Nusantara dapat dikenali dengan menyusuri karya-karya yang dihasilkan dimula sejak masuknya Islam kealam Melayu sekitar kurun ke-17 Masihi sehingga kini.

Secara umum penulisan karya Hadith di Nusantara pada kurun awal (kurun ke-19 dan awal kurun ke-20 M) dikesan agak perlahan. Fenomena kelesuan ini tidak hanya terdapat di Nusantara (Tanah Melayu) sahaja malah hampir diseluruh dunia Islam.<sup>163</sup>

Kenyataan ini telah disampaikan oleh seorang tokoh ulama Hadith di Mesir, Sheikh Aḥmad Muḥammad Shākir (m.1958M) dalam Muqaddimah beliau terhadap kitab *al-Bā'ith al-Ḥathīth Sharḥ Ikhtisār 'Ulūm al-Ḥadīth* karya al-Ḥāfiẓ Ibn Kathīr seperti berikut:

وأما عصرنا هذا فقد ترك الناس نيه الرواية جملة , ثم تركوا الإشتغال بالاحاديث إلا نادرا وقليل إن ترى منهم هو أهل الآن يكون طالبا لعلوم السنة , وهيهات إن تجد من يصح أن يكون محدثا . وأما الحفظ فانه انقطع أثره , وختم بالحافظ بن حجر العسقلاني رحمه الله ثم قارب السخاوي والسيوطي أن يكونا حافظين , ثم لم يبق بعدهما

أحد<sup>164</sup>

“Adapun pada zaman kita ini, orang telah pun meninggalkan periwayatan (Hadith) secara besar-besaran. Kemudian hanya segelintir sahaja (orang) yang menyibukkan (fokus) kepada Hadith-Hadith dan sedikit diantara mereka yang anda liat orang yang sekarang ini ahli menjadi seorang penuntut ilmu-ilmu sunnah, dan amat jauh pula anda dapatkan orang yang layak untuk menjadi seorang ahli Hadith. Adapun darjat al-Hafiz<sup>165</sup>,

<sup>163</sup> Fauzi Deraman Ishak Hj Suliaman, Faisal Ahmad Shah, *Pengajian Hadith di Malaysia* (Kuala Lumpur: Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith APIUM, 2010), 2.

<sup>164</sup> Aḥmad Muḥammad Shākir, *al-Bā'ith al-Ḥathīth Sharḥ Ikhtisār 'Ulūm al-Ḥadīth* (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1994), 152. Lihat juga Fauzi, *Pengajian Hadith*, 2.

<sup>165</sup> *Al-Ḥāfiẓ* ialah merupakan laqab yang paling tinggi dari ahli Hadith menurut sebahagian pendapat. Manakala kebanyakan ulama hadith menyamakan istilah *al-Ḥāfiẓ* dengan *al-Muḥaddith* itu. Dikatakan *al-Ḥāfiẓ* lebih tinggi darjatnya dari *al-Muḥaddith* kerana ia (*al-ḥāfiẓ*) lebih banyak mengetahui mengenai

maka sesungguhnya ia pun sudah terputus jejaknya dan telah ditutup oleh al-Ḥāfiẓ Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī (m.852H). Kemudian yang hampir menjadi al-ḥāfiẓ adalah al-Sakhāwī (m.902H), dan al-Suyūṭī (m.911H), setelah itu tidak ada seorang pun yang muncul sesudah mereka berdua itu.”

Kelesuan tersebut berpunca pada penjajahan bangsa Eropah ke hampir keseluruhan wilayah Islam. Kebangkitan semula umat Islam mulai bangkit pada pertengahan abad ke-20 M.<sup>166</sup> Malah kegemilangan perkembangan penulisan Hadith di Nusantara sudah dimulai pada kurun ke-18 dan ke-19 M.

Para ulama rata-ratanya mempelajari karya-karya Hadith yang sudah ada sebelumnya, lalu mengembangkannya sama ada berupa hurairan mahupun ringkasan

---

setiap *thabaqat* (tingkatan) dari yang tidak diketahui. Lihat Maḥmūd al-Ṭaḥḥān, *Taysīr Muṣṭalah al-Ḥadīth* (cet. ke-11, Riyadh: Maktabah al-Ma‘ārif, 2010), 19. Para Ulama berbeza pendapat mengenai takrif *al-ḥāfiẓ*, Ibn al-Aṭhīr (m.630H) memberikan takrif bahawa *al-ḥāfiẓ* ialah orang yang meriwayatkan apa yang sampai kepadanya dan memahami apa yang diperlukannya. Manakala Ibn Sayyid al-Nās (m.734H) mengatakan bahawa *al-ḥāfiẓ* adalah orang yang menguasai Hadith sehingga mengetahui pula gurunya, guru-guru kepada guru-gurunya tingkatan demi tingkatan, di mana setiap tingkatan tersebut lebih banyak diketahuinya dari yang tidak diketahuinya. Al-Mizzī memberikan takrif bahawa *al-ḥāfiẓ* ialah orang yang lebih banyak mengetahui para *rijāl* (perawi-perawi) yang meriwayatkan Hadith sehingga sampai kepadanya dan mengetahui pula *tarjamah* (biografi), hal ihwal serta negeri mereka dari yang tidak dia ketahui. Ibn Maṭarī, Abd Allāh bin Muḥammad bin Aḥmad (m.765H) mentakrifkan bahawa *al-ḥāfiẓ* ialah orang yang mengetahui secara mendalam seratus ribu Hadith secara matan dan sanad, serta mengetahui pula keadaan-keadaan para perawinya sama ada *jarh*, *ta’dil* mahupun tarikh mereka. Lihat Muḥammad Abū al-Layth al-Khayr Ābādī, *‘Ulūm al-Ḥadīth Asīluḥāwa Ma’āshiruhā* (Bangi: Dār al-Shākir, 2003), 33. Dr. Subḥī al-Ṣāliḥ pula menyebutkan sifat-sifat mesti dimiliki oleh orang yang mencapai darjat *al-ḥāfiẓ*, iaitu mengetahui sunnah-sunnah Nabi s.a.w. dengan pengetahuan yang rinci beserta jalan-jalannya, mampu membezakan sanad-sanadnya, dapat menjaga (mempertahankan) apa yang telah disepakati ahli makrifah atas kesahihan sesebuah Hadith, dan apa yang diperselisihkan oleh mereka untuk diijtihadi, serta mengetahui perbezaan pendapat diantara mereka. Selain itu ia juga dapat membezakan riwayat-riwayat tersebut dengan perubahan ibarah (penjelasan). Lihat Subḥī al-Ṣāliḥ Subḥī al-Ṣāliḥ, *Ulūm al-Ḥadīth wa Muṣṭalahuh* (1959; cet. ke-15, Beirut: Dār al-‘Ilm li al-Malāyīn, 1984), 75-76.

<sup>166</sup> Kenyataan ini diindikasikan oleh Prof. Nawir Yuslem dalam bukunya yang bertajuk *Ulumul Hadis* dalam perbahasannya mengenai sejarah penghimpunan dan pengkodifikasian hadith dimulai masa Rasulullah s.a.w. hingga masa sekarang. Pada bahagian ini pula beliau juga menjelaskan bahawa bersamaan dengan kondisi dunia Islam tersebut, maka periwayatan hadith pada periode ini lebih banyak dilakukan dengan cara *ijāzah* dan *mukātabah*. Pada masa ini pula para ulama rata-ratanya mempelajari karya-karya hadith yang sudah ada sebelumnya. Kemudian mereka melakukan pengembangan terhadap karya-karya tersebut sama ada berupa hurairan mahupun ringkasan sehingga lah menghasilkan jenis-jenis karya seperti kitab *Sharḥ*, *Mukhtaṣar*, *Zawā'id*, *Takhrīj* dan lainnya. Selanjutnya lihat: Nawir Yuslem, *Ulumul Hadis* (Jakarta: PT Mutiara Sumber Widya, 2001), 143-144.

sehingga menghasilkan jenis-jenis karya seperti kitab *Sharḥ*, *Mukhtaṣar*, *Zawā'id*, *Takhrīj* dan lainnya.<sup>167</sup>

Hal ini memaklumkan pula keprihatinan terhadap pengajian Hadith tidak bermakna tiada dipelajari langsung, malah ianya tetap wujud dan karya-karya dibidang Hadith tetap ada walaupun skopnya tidak sebesar karya keislaman lainnya seperti aqidah dan tasawuf.

Penulisan hadis di alam Melayu atau Nusantara abad ke-17 terdapat dua buah, sekali gus merupakan kitab paling awal ditulis dalam Hadith, iaitu kitab *Fawā'id al-Bahiyah fī al-AḤādīth Nabawiyyah*<sup>168</sup> atau dinamakan juga dengan *Hidāyah al-Ḥabīb fī al-Tarḡīb wa al-Tarḥīb* karya Sheikh Nūr al-Dīn al-Ranīrī (m.1068H), dan sebuah lagi bertajuk *Sharḥ Laṭīf 'alā Arba'in Ḥādīthan li al-Imām al-Nawawī*<sup>169</sup> karya Sheikh Abd al-Ra'ūf bin 'Alī al-Fansūrī (m.1105H).<sup>170</sup>

Pada kurun berikutnya pengkaryaan *al-Arba'ināt* pula telah mampu dikumpulkan dan disusun oleh para Ulama Nusantara, bukan setakat menterjemahkan atau mensyarahkan kitab *al-Arba'in* sebelumnya. Di antara karya-karya *al-Arba'ināt* yang telah dihasilkan sehingga sekarang ialah sebagai berikut:

Di antara karya-karya *al-Arba'inat* yang pernah ditulis di alam Melayu ialah:

---

<sup>167</sup> *Ibid.*

<sup>168</sup> Kitab ini diselesaikan pada pada hari Jumaat, Syawal 1045 H bersamaan dengan 1635 M. Di dalamnya terdapat sebanyak 831 hadith terdiri daripada 46 Bab, dimulai dengan Bab Menggemari Niat, diiringi dengan Bab Menggemari Islam, Iman Dan Ihsan dan berakhir dengan Bab Menggemari Senantiasa Bab Menyebut Mati, Bab Mentalkinkan Mayat, Bab Berjalan Serta Bab Jenazah dan Menakutkan Meratap-ratap. Penulis menggunakan rumuz atau huruf kod untuk setiap perawi yang mengeluarkan hadith dan jumlah semua yang digunakan kod untuk seramai 22 orang.misalnya huruf *Kha'* untuk Imam al-Bukhārī, huruf *Mim* untuk Imam Muslim dan lain-lain Imam Hadith.Hadith-hadith dalam kitabnya ini ditulis teks dalam bahasa Arab, sesudah itu diterjemahkan kedalam bahasa Melayu. Lihat Wan Muhd Shoghir, "Penulisan Ilmu Hadis oleh Ulama Asia Tenggara", laman sesawang *Utusan Online*, [http://utusan.com.my/info.asp?y=2009&dt=0223&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Bicara\\_Agama&pg=ba\\_01.htm](http://utusan.com.my/info.asp?y=2009&dt=0223&pub=Utusan_Malaysia&sec=Bicara_Agama&pg=ba_01.htm).

<sup>169</sup> Kitab ini diselesaikan pada hari Selasa, bulan Safar tahun 1091 Hijri. Kitab ini merupakan terjemahan dan Syarah kitab *Arba'in* karya Imam al-Nawawī yang pertama sekali dalam bahasa Melayu, dan merupakan kitab hadith dalam bahasa Melayu yang kedua sesudah karya Sheikh Nūr al-Dīn al-Ranīrī (m.1068H).

<sup>170</sup> *Ibid.*

1. Buku “*Hādīth Arba ‘īn*” karya Sheikh Dāwud al-Faṭānī (m.1265H). Memuat sebanyak 40 Hadith yang dimuatkan dalam kitab *Hidāyah al-Muta’allim*. Bermula dengan mukaddimah yang sederhana, Sheikh Dāwud al-Faṭānī (m.1265H) menyenaraikan Hadith-Hadith tentang kelebihan orang-orang yang mengutamakan Hadith Nabi s.a.w. sama ada dengan membaca, menyampaikannya kepada orang lain atau menghafaznya; tidak kira sama ada sebuah Hadith atau 40 buah Hadith. Dengan persembahan yang konsisten, setiap Hadith yang dibawakan *matan* dan terjemahannya sekali tanpa mentakhrij atau menyebut darjatnya.<sup>171</sup>
2. Kitab “*al-Minḥah al-Khayriyyah fī Arba ‘īn Hādīthan min AḤādīth Khayr al-Bariyyah*” karya Sheikh Mahfuz al-Tarmasī (m.1338H/ 1920M). Kitab ini dikenali juga sebagai *Arba ‘īn al-Tarmasī* mengandungi 40 Hadith Nabi s.a.w. Dalam penyusunannya, al-Tarmasī merujuk kepada *al-Kutub al-Sittah (Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, Ṣaḥīḥ Muslim, Sunan Abī Dāwud, Sunan al-Tirmidhī, Sunan al-Nasā’ī, Sunan Ibn Mājah)*, kitab *al-Muwatta’ Imām Mālik* dan *al-Fānīd fī Ḥalāwah al-Asānid* karya Imam al-Suyūṭī (m.911H). Dalam menuliskan Hadith dalam kitabnya tersebut, beliau turut menulis *silsilah sanad* periwayatan Hadithnya yang memiliki kesinambungan sehingga Rasulullah s.a.w. dalam pendahuluan kitabnya, beliau menyatakan bahawa kitab yang beliau karang ini adalah menyempurnakan Hadith-Hadith *Thulāthiyāt al-Bukhārī* yang beliau miliki. Beliau menambah 28 Hadith lagi untuk menggenapkan Hadithnya menjadi 40 Hadith. Dengan perincian satu Hadith tentang rahmat *Musalsal bi al-Awwaliyyah*, 14 Hadith awal dan akhir yang diambil dari kitab-kitab induk yang enam dan satu kitab Imam al-Suyūṭī tersebut, 22 Hadith *Thulāthiyāt al-Bukhārī*, Hadith-Hadith yang berkenaan dengan halal, haram, syubhat, Hadith tentang

---

<sup>171</sup> Lihat Nor Hanani binti Ismail et al., Faisal Ahmad Shah et al., *Hadith-Hadith dalam Hadith Arba ‘in karya Sheikh Dāwud al-Faṭānī: Takhrij dan Ulasan* (Kuala Lumpur: Jabatan al-Quran dan al-Hadith APIUM, 2011) 196-197.

*Ghirās al-Jannah, al-Baqiyāt al-Ṣāliḥāh*, dan ditutup dengan Hadith tentang *Khātimah al-Sa’ādah*. Selain itu, kitab setebal 57 halaman ini juga dilengkapi dengan catatan kaki ringkas, yang merupakan penjelasan sederhana kata-kata yang mungkin sukar dibaca atau difahami, dan terkadang juga beliau menjelaskan *i’rab* sesuatu perkataan dan terkadang juga menjelaskan cara membacanya. Kitab ini diselesaikan oleh beliau pada hari Ahad 16 Ramadan 1313 H.<sup>172</sup>

3. Buku “*Empat Puluh Hadith Kelebihan Ilmu dan Ulama*” karya KH. Muhammad Syukeri bin Unus al-Banjari. Menurut murid kepada pengarang kitab ini, Ahmad Fahmi bin Zamzam yang sekaligus penterjemah kitab ini, menyebutkan bahawa kitab ini telah disusun dalam untaian yang sangat baik dan diterbitkan sejak puluhan tahun yang lalu<sup>173</sup> dan telah mengalami ulang cetak beberapa kali dalam edisinya yang berbahasa Arab.<sup>174</sup> Kitab ini mengandungi 40 buah Hadith yang membicarakan tentang kelebihan ilmu dan ketinggian darjat para ulama. Manakala tajuk kitab adalah merupakan nama pemberian daripada pengarang kitab itu sendiri yang beliau telah menyatakannya dalam mukaddimahnya bahawa beliau telah menyusun kitab ini pada permulaan hari-hari Tasyrik, tahun 1405 Hijri dan memberi nama kitabnya itu dengan “Empat Puluh Hadith Kelebihan Ilmu dan Ulama” dengan tujuan supaya Allah sentiasa menjadikan beliau termasuk dalam golongan yang disebutkan dalam Hadith tentang kelebihan menghafaz 40 Hadith iaitu dibangkitkan dihari kiamat nanti dalam keadaan ahli fekah dan Ulama, juga dimasukkan kedalam syafa’at Nabi

---

<sup>172</sup> Jawiah Dakir dan Ahmad Levi Fachrul Avivy, “Sumbangan dan Kepakaran Syeikh Mahfuz Al-Tarmasī dalam Bidang Hadis” (makalah, Seminar Serantau Ilmuan Hadith dalam Peradaban di Alam Melayu, 25 Oktober 2010), 74.

<sup>173</sup> Berdasarkan tarikh penulisan mukaddimah bagi kitab ini, kenyataan ini ditulis pada 21 Muharram 1425H bersamaan 13 Mac 2004M.

<sup>174</sup> Muhammad Syukeri bin Unus al-Banjari, *Empat Puluh Hadith Kelebihan Ilmu dan Ulama*, terj. Ahmad Fahmi Zamzam (cet. ke-3, Kedah: Khazanah Banjariah, 2011), b.

Muhammad s.a.w.<sup>175</sup> Setiap Hadith-Hadith disusun berdasarkan tajuk-tajuk tertentu sesuai dengan Hadith yang dibawakan.

4. Buku “*Empat Puluh Hadis Penawar Hati*” karya Abū Alī al-Banjari an-Nadwī. Memuat empat puluh Hadith tentang nasihat dan petunjuk Rasulullah s.a.w. tentang masalah perbaikan dan pensucian hati. Kitab ini ditulis dan diterbitkan dalam Bahasa Melayu dengan tulisan Jawi dan Rumi. Pada kitab ini yang diterbitkan dengan tulisan Jawi memuat sebanyak 128 muka surat, manakala yang ditulis dengan tulisan Rumi mengandungi sebanyak 120 muka surat.
5. Buku “*Empat Puluh Hadis Peristiwa Akhir Zaman*” pula ditulis oleh Abū Alī al-Banjari an-Nadwī. Mengandungi sebanyak empat puluh Hadith tentang peristiwa-peristiwa yang terjadi diakhir zaman dan gambaran yang jelas terhadap masalah yang dihadapi umat Islam diakhir zaman.<sup>176</sup> Penyusunnya juga meletakkan tajuk untuk setiap Hadithnya serta memberikan ulasan atau keterangan ringkasterhadapnya. Pada bahagian akhir daripada kitab tersebut penulisnya memberikan sepuluh intisari sebagai renungan dan pembelajaran bagi para pembaca yang dapat diambil hikmah daripada Hadith-Hadith tentang peristiwa akhir zaman itu.<sup>177</sup> Buku ini telah beberapa kali dicetak dan diterbitkan oleh Khazanah Banjariyah, Kedah. Kemudian diterbitkan semula di Jakarta, Indonesia pertama kali pada tahun 1998 Masihi oleh penerbit Media Da’wah.
6. Buku “*Hadith Empat Puluh*” karya Asbiran Ya‘qub yang ditulis pada tahun 1929 Masihi. Merupakan kitab yang mengumpulkan sebanyak empat puluh Hadith dalam bahasa Melayu dengan tulisan Jawi. Kitab ini merupakan sebuah

---

<sup>175</sup> *Ibid.*, 1-2.

<sup>176</sup> Abu Ali al-Banjari an-Nadwi, *40 Hadits Peristiwa Akhir Zaman* (Kedah: Khazanah Banjariyah, 1998), 6-7.

<sup>177</sup> *Ibid.*, 97-100.

kitab yang populer sekali dan telah digunakan sebagai bahan rujukan dan bacaan di sekolah-sekolah pondok dan pengajian agama sehingga sekarang.

7. Buku “*Forty Hadith Qudsi*” dikumpulkan oleh Abu Hayati. Buku ini mengandung koleksi empat puluh Hadith qudsi yang dipilih dari sumber yang bersumber daripada kitab-kitab Hadith yang berotoriti seperti *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, *Ṣaḥīḥ Muslim*, *Sunan Abī Dāwūd*, *Sunan al-Tirmīdhī*, *Sunan al-Nasā’ī*, *Sunan Ibn Mājah*, *Muwaṭṭa’ Imām Mālik*, *Musnad Imam Aḥmad* dan lainnya. Penulisnya memulakan mukaddimahnya mengenai makna Hadith Qudsi.<sup>178</sup>
8. Buku “*40 Hadith Sahih Pedoman Membangun Toleransi*” karya Khotimatul Husna. Mengandung koleksi Hadith-Hadith dengan tema toleransi umat Islam terhadap umat yang bukan Islam, antaranya Hadith tentang berdamai dengan orang yang bukan Islam, larangan menyakiti mereka, bersikap adil dan bekerja sama dengan mereka, adab bersama jiran, larangan menzalimi sesame dan lain-lain yang berkaitan tentang hubungan secara kemanusiaan. Hadith-Hadith tersebut dijelaskan sumber pengambilannya, diberikan huraian singkat, serta asbab wurudnya. Buku ini memuat sebanyak 148 muka surat, diterbitkan oleh Pustaka Pesantren Yogya pada tahun 2006.<sup>179</sup>
9. Buku “*Empat Puluh Hadis Keutamaan Dzikir dan Berdzikir*” yang ditulis oleh Habib Abdurrahman bin Muhammad bin Ali al-Habsyi dan Dr. Ahmad Lutfi Fathullah Mughni. Mengandung koleksi sebanyak empat puluh Hadith-Hadith yang berkaitan dengan zikir, anjuran, kelebihan dan lafaz-lafaz zikir. Hadith-Hadith yang terdapat didalam buku ini dikumpulkan dengan takhrij sekali.<sup>180</sup>

Buku ini diberi pengantar (taqdim) oleh Presiden Republik Indonesia, Dr. H.

---

<sup>178</sup> Abu Hayati, *Arba’ūn Ḥadīthan Qudsiyya: Forty Hadith Qudsi* (Kuala Lumpur: A.S. Noordeen, 2002), iii-iv.

<sup>179</sup> Lihat Ramli Abdul Wahid, *Sejarah Pengkajian Hadis di Indonesia* (Medan: IAIN Press, 2010), 119.

<sup>180</sup> Lihat Habib Abdurrahman bin Muhammad bin Ali al-Habsyi dan Ahmad Lutfi Fathullah Mughni, *40 Hadis Keutamaan Dzikir & Berdzikir* (Jakarta: Majelis Dzikir SBY Nurussalam, 2008), 12.



Susilo Bambang Yudhoyono yang diterbitkan oleh Majelis Dzikir SBY Nurussalam pada tahun 2008.

Demikian beberapa karya-karya dalam *al-Arba‘ināt* yang dapat dikesan telah memberikan kontribusi ilmiah dalam pengajian Hadith lebih lagi pengkaryaan *al-Arba‘ināt*.

### 3.3 Pengenalan Kitab *al-Arba‘ināt al-Buldāniyyah*

#### 3.3.1 Maksud *al-Arba‘ūn al-Buldāniyyah*

Ditinjau dari sudut bahasa, maka tajuk ini terdiri dari susunan bahasa Arab iaitu:

Kalimah *al-Arba‘ūn* (أربعون) yang bermaksud jumlah atau bilangan 40,<sup>181</sup> dan kalimah *al-Buldāniyyah* (بلدانية) pula berasal dari kata *buldān* merupakan jamak dari kata *balad* iaitu nama yang digunakan untuk tempat<sup>182</sup> dan bermaksud juga negeri,<sup>183</sup> kota atau kampung<sup>184</sup> yang lebih luas sebagai tempat permukiman.<sup>185</sup> Maka *al-Arba‘ūn al-Buldāniyyah* dapat bermakna 40 kota atau kampung.

Maksud *al-Arba‘ināt al-Buldāniyyah* di sini adalah juzuk-juzuk Hadith yang mengandungi koleksi 40 Hadith yang diperolehi atau diriwayatkan pengarang kitab daripada 40 orang sheikh (guru) yang berasal dari 40 negeri atau kota.

---

<sup>181</sup> Rohi Baalbaki, *al-Mawrid* (cet. ke-7, Beirut: Dār al-‘Ilm li al-Malāyīn, 1995), 70 dan S. Askar, *Kamus Arab Indonesia al Azhar* (Jakarta: Senayang Publishing, 2009), 229 dan Mahmud Yunus, *Kamus Arab – Indonesia* (Jakarta: PT. Hidakarya Agung, 1995), 137.

<sup>182</sup> Ibn Manzūr Jamāl al-Dīn Muḥammad bin Mukrim, *Lisān al-‘Arab* (Beirut: Dār Ṣādir, t.th.), 3:94.

<sup>183</sup> Ahmad Warson Munawir, Ali Ma’sum dan Zainal Abidin Munawir, ed., *Kamus al-Munawir Arab-Indonesia Terlengkap* (cet. ke-14, Surabaya: Pustaka Progressif, 1997), 104.

<sup>184</sup> Sājid al-Rahmān al-Siddīqī, *al-Mu’jam al-Hadith fi ‘Ulum al-Hadith* (Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, 2005), 29.

<sup>185</sup> Ramli Abdul Wahid & Husnel Anwar Matondang, *Kamus Lengkap Ilmu Hadis* (cet. ke- 2, Medan: Perdana Publishing, 2011), 30.

### 3.3.2 Sejarah Penulisan Kitab *al-Arba'ūn al-Buldāniyyah*

Perkembangan penulisan karya-karya *al-Arba'ūn al-Buldāniyyah* telah lama muncul seiring dengan besarnya minat para Ulama dan penulis karya *al-Arba'īnāt* dalam Hadith yang bermaksud dengannya untuk menjaga dan menyebarkan Hadith-Hadith Nabi s.a.w. secara mudah.

Para ulama dan penulis *al-Arba'īnāt* kebanyakannya tergerak untuk menyusun dan menulis karya jenis ini berasaskan adanya suatu keistimewaan pada bilangan 40 ini, meskipun diantara mereka ada yang mengasaskan pengumpulannya kepada Hadith kelebihan menghafaz 40 Hadith dalam urusan agama Islam. Tetapi mereka tidak sahaja menulis dan mengumpulkan Hadith-Hadith Nabi sahaja melainkan juga ada yang sahaja mengkoleksi 40 nama guru-guru pengarangnya. Contoh kitab *al-Arba'īn fī Suyūkh al-Ṣūfiyyah* yang disusun oleh Abū Sa'īd al-Malīnī (m.412H). Kitab ini merupakan koleksi nama-nama guru sufi penulisnya sebanyak 40 orang yang dikumpulkannya dalam satu kitab.

Manakala karya *al-Arba'īnāt al-Buldāniyyah* seperti yang telah dijelaskan sebelumnya merupakan koleksi 40 guru dari tempat yang berbeza yang telah meriwayatkan suatu Hadith kepada penulisnya secara musnad sampai kepada Rasulullah s.a.w.

Penulisan karya jenis ini telah dimulai jauh sama ada sebelum Sheikh Yāsīn al-Fādānī mahupun selepas beliau. Mula-mula karya ini ditulis oleh pada kurun ke-6 Hijri iaitu oleh Hafiz Abū Ṭāhir Aḥmad bin Muḥammad bin Aḥmad al-Silafī al-Asbahānī (m.576H) yang telah menulis dan menyusun kitab *al-Arba'īn al-Mustaghni' bi Ta'yīn Mā fīh 'an al-Mu'īn* atau dikenal dengan nama *al-Arba'īn al-Buldāniyyah*.<sup>186</sup>

---

<sup>186</sup> Kitab *al-Arba'īn al-Buldāniyyah* karya Hafiz Abū Ṭāhir al-Silafī (m.576H) merupakan karya terawal dalam penyusunan seperti ini. Hafiz Ibn 'Asākir (m.571H) dalam mukaddimah kitab *al-Arba'ūn al-Buldāniyyah* beliau telah mengisyaratkan hal ini. Lihat 'Asākir, *al-Arba'ūn al-Buldāniyyah*, 37.

Kemudian diikuti oleh Hafiz Abū al-Qāsim ‘Alī bin al-Ḥasan bin Hibbah Allāh Ibn ‘Asākir (m.571H) menulis kitab *al-Arba‘īn al-Buldāniyyah: Arba‘ūn Ḥādīṭhan ‘an Arba‘īn Shaykhan min Arba‘īn Madīnah li Arba‘īn min al-Sahābah*.

Pada kurun berikutnya (kurun ke-7 H), Abū Muḥammad ‘Abd al-Qādir bin ‘Abd Allāh al-Rahāwī al-Ḥanbalī (m.612H) pula menulis dan menyusun kitab *al-Arba‘īnāt* jenis ini bertajuk: *al-Arba‘īn al-Mutabāyinah al-Isnād wa al-Buldān*.

Selain beliau dalam kurun yang sama ‘Alī al-Ḥasan bin Muḥammad al-Qurashī al-Taymī al-Bakrī al-Naysābūrī (m.656H) dan Hafiz Wajīh al-Dīn Abūal-Mazfar Manṣūr bin Sulaymān bin Manṣūr bin Futūḥ al-Hamdānī (m.673H) juga menulis kitab bertajuk *al-Arba‘īn al-Buldāniyyah*.

Kitab jenis ini juga ditulis oleh Hafiz Muḥib al-Dīn Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin ‘Umar bin Muḥammad Rushayd al-Fihri al-Sibtī (m.721H)<sup>187</sup> dengan tajuk *al-I‘lām bi Arba‘īn ‘an Arba‘īn min al-Shuyūkh al-A‘lām al-Buldāniyyah*. Kitab ini juga merupakan karya *al-Arba‘īnāt al-Buldāniyyah* pada kurun ke-8 Hijri.

Demikian pula kitab *al-Arba‘īn al-Buldāniyyah al-Makharrajah min al-Mu‘jam al-Ṣaghīr li al-Ṭabrānī* karya Hafiz Shams al-Dīn Muḥammad bin Aḥmad bin ‘Uthmān al-Dhahabī (m.748H), dan kitab *al-Arba‘īn al-Buldāniyyah* karya Abū Ishāq Ibrāhīm bin ‘Abd Allāh bin Ibrāhīm bin Mūsā al-Numayr Ibn al-Ḥāj (m.768H).

Penulisan *al-Arba‘īnāt al-Buldāniyyah* pun sentiasa berlanjut sehingga masa Sheikh Yāsīn al-Fādānī dan setelahnya. Malah guru beliau bernama ‘Abd al-Ḥafīz bin al-Jamāl Muḥammad Ṭāhir al-Fahrī (m.1383H) telah menyusun kitab jenis ini yang bertajuk: *Istinzāl al-Sakīnah al-Raḥmāniyyah bi al-Taḥdīth bi Arba‘īn al-Buldāniyyah*.

Latar belakang para Ulama dan penulis *al-Arba‘īnāt* pada umumnya kerana adanya riwayat yang disandarkan kepada Nabi s.a.w. yang menggalakkan umatnya

---

<sup>187</sup> Ṭāriq Ṭātamī, “Ibn Rushayd al-Sibtī al-Fihri”, laman sesawang *Iḥyā al-Turath*, dicapai 23 April 2013, <http://www.almakaz.ma/Article.aspx?C=5693>.

untuk menghafaz 40 Hadith. Kebanyakan mereka juga telah pun mengenali kelemahan Hadith tersebut, dan ramai di antara para huffaz yang mendaifkan Hadith ini.

Tapi sandaran mereka kepada Hadith tersebut tidak bersifat mutlak, justeru mereka melihat kepada substansi atau kandungan Hadith tersebut yang justeru tampak disokong oleh al-Qur'an dan Hadith yang sahih, yakni kelebihan daripada jumlah 40 sebagaimana yang telah dijelaskan.

Malah secara praktikal justeru untuk memudahkan umat untuk menghafazkan dan mempelajari Hadith Nabi s.a.w. serta sebagai bentuk *tablīgh* (menyampaikan) Hadith Nabi s.a.w. dengan cara yang dikira paling mudah/ ringan serta sebagai wasilah.

Inilah asas sebenar para Ulama termasuk Sheikh Yāsīn al-Fādānī menyusun karya *al-Arba'īnāt* sebagaimana yang disampaikan oleh Sheikh Yāsīn al-Fādānī yang memberikan kenyataan bahawa para penulis kitab *al-Arba'īnāt* telah mengasaskan penulisan kitab jenis ini dengan Hadith tentang kelebihan menghafaz 40 Hadith Nabi s.a.w. dengan tujuan menyebarkan ilmu Nabi s.a.w. supaya mendapatkan pahala dan kelebihan dari Allah atas amalan tersebut.<sup>188</sup>

Selain itu beliau menulis kitab *al-Arba'ūn al-Buldāniyyah* meneruskan tradisi para salaf dalam menyusun kitab jenis ini. Hal ini dijelaskan dalam muqaddimahnyanya sebagaimana berikut:

وها أنا أقتفي أثرهم فأجمع في هذا الجزء اللطيف أربعين حديثاً من أربعين كتاباً  
بأسانيد لها عن أربعين شيخاً من أربعين بلداً، مضيفاً به إلى أربعينات التي قد  
أنجزتها...<sup>189</sup>

“Saya mengikuti jejak mereka (yang telah menulis karya *al-Arba'īnāt al-Buldāniyyah*, di antaranya Hafiz Abū Ṭāhir al-Silafī (m.576H) dan Hafiz ‘Abd al-Ḥafīẓ bin al-Jamāl Muḥammad al-Fahrī al-Fāsī

<sup>188</sup> Yāsīn, *al-Arba'ūn al-Buldāniyyah*, 3.

<sup>189</sup> *Ibid.*, 4.

(m.1343H) yang merupakan guru Sheikh Yāsīn al-Fādānī sendiri), Maka saya mengumpulkan sebanyak empat puluh Hadith dari empat puluh kitab dengan sanad-sanadku dalam juzuk yang ringan ini sebanyak empat puluh Hadith dari empat puluh kitab dengan sanad-sanadku dari empat puluh orang Sheikh (guru) dari empat puluh tempat (yang aku kumpulkan) dalam juzuk yang ringan, sebagai tambahan bagi karya *al-Arba‘īnāt* milikku yang telah saya selesaikan.”

### 3.3.3 Karya-Karya *al-Arba‘īnāt al-Buldāniyyah*

Pada bab sebelumnya telah pun dihuraikan pelbagai karya atau kitab bertema *al-Arba‘īnāt* yang mula disusun oleh Ulama kurun ke-2 Hijri oleh Imam Ibn al-Mūbārak (m.181H) yang bertajuk *al-Arba‘īn fī al-Ḥadīth*.

Kemudian penulisan karya dibidang ini pula mempunyai pelbagai metode, antaranya adalah mengumpulkan Hadith-Hadith atau guru-guru daripada penulis kitab yang dikumpulkan dan disusun dari empat puluh orang guru yang berasal dari negeri atau daerah yang berbeza. Penulisan dengan metode ini dikenal dengan *al-Arba‘īnāt al-Buldāniyyah*.

Berdasarkan hasil pengumpulan karya-karya *al-Arba‘īnāt* yang telah dimula pada kurun Ulama silam sehingga masa kini sebagaimana yang telah dibahas pada bab pertama dari disertasi ini. Maka setakat ini penulis temukan sebanyak sepuluh buah karya jenis *al-Arba‘īnāt al-Buldāniyyah* antaranya ialah:

1. Kitab *al-Arba‘īn al-Mustaghni‘ bi Ta‘yīn Mā fīh ‘an al-Mu‘īn* atau dikenal dengan nama *al-Arba‘īn al-Buldāniyyah* karya Hafiz Abū Ṭāhir Aḥmad bin Muḥammad bin Aḥmad al-Silafī al-Asbahānī (m.576H).<sup>190</sup>

---

<sup>190</sup> Kitab *al-Arba‘īn al-Buldāniyyah* karya Hafiz Abū Ṭāhir al-Silafī (m.576H) merupakan karya terawal dalam penyusunan seperti ini. Hafiz Ibn ‘Asākir (m.571H) dalam mukaddimah kitab *al-Arba‘ūn al-Buldāniyyah* beliau telah mengisyaratkan hal tersebut. Lihat ‘Asākir, *al-Arba‘ūn al-Buldāniyyah*, 37.

2. *Kitab al-Arba'īn al-Buldāniyyah: al-Arba'ūn Ḥadīthan 'an Arba'īn Shaykhan min Arba'īn Madīnah li Arba'īn min al-Sahābah* karya Hafiz Abū al-Qāsim 'Alī bin al-Ḥasan bin Hibbah Allāh Ibn 'Asākir (m.571H).
3. *Kitab al-Arba'īn al-Mutabāyinah al-Isnād wa al-Buldān* karya Abū Muḥammad 'Abd al-Qādir bin 'Abd Allāh al-Rahāwī al-Ḥanbalī (m.612H).
4. *Kitab al-Arba'īn al-Buldāniyyah* 'Alī al-Ḥasan bin Muḥammad al-Qurashī al-Taymī al-Bakrī al-Naysābūrī (m.656H).
5. *Kitab al-Arba'īn al-Buldāniyyah* karya Hafiz Wajīh al-Dīn Abū al-Mazfar Manṣūr bin Sulaymān bin Manṣūr bin Futūḥ al-Hamdānī (m.673H).
6. *Kitab al-I'lām bi Arba'īn 'an Arba'īn min al-Shuyūkh al-A'lām al-Buldāniyyah* karya Hafiz Muḥib al-Dīn Abū 'Abd Allāh Muḥammad bin 'Umar bin Muḥammad Rushayd al-Fihri al-Sibtī (m.721H).<sup>191</sup>
7. *Kitab al-Arba'īn al-Buldāniyyah al-Makharrajah min al-Mu'jam al-Ṣaghīr li al-Ṭabrānī* karya Hafiz Shams al-Dīn Muḥammad bin Aḥmad bin 'Uthmān al-Dhahabī (m.748H).
8. *Kitab al-Arba'īn al-Buldāniyyah* karya Abū Ishāq Ibrāhīm bin 'Abd Allāh bin Ibrāhīm bin Mūsā al-Numayr Ibn al-Ḥāj (m.768H).
9. *Kitab Istinzāl al-Sakīnah al-Rahmāniyyah bi al-Taḥdīth bi Arba'īn al-Buldāniyyah* karya Hafiz 'Abd al-Ḥafīz bin al-Jamāl Muḥammad Ṭāhir al-Fahrī (m.1383H).
10. *Kitab al-Arba'ūn al-Buldāniyyah: Arba'ūn Ḥadīthan 'an Arba'īn Shaykhan min Arba'īn Baladan* karya Sheikh Yāsīn al-Fādānī (m.1410H).
11. *Kitab al-Arba'īn al-Buldāniyyah fī al-Aḥādīth al-Najdiyyah: Arba'īn Ḥadīthan min Arba'īn Kitāban* karya Dr. Sa'ūd bin 'Abd Allāh al-Fanīsān.

<sup>191</sup> Ṭāriq Ṭatāmī, "Ibn Rushayd al-Sibtī al-Fihri", laman sesawang *Iḥyā al-Turath*, dicapai 23 April 2013, <http://www.almarkaz.ma/Article.aspx?C=5693>.

Selain karya-karya *al-Arba‘īnāt al-Buldāniyyah* yang telah disebutkan diatas, masih terdapat lagi karya-karya jenis ini, sebahagiannya ada yang masih dalam bentuk makhtutah dan belum dicetak lagi seperti *al-Aḥādīth al-Buldāniyyat* karya Muḥammad bin ‘Abd al-Rahmān al-Sakhāwī (m.902H) yang manuskrip kitab ini terdapat di Universiti Imam Ibn Su‘ūd, dan telah disalin oleh Abū Bakr bin Muḥammad bin al-Jaysh (m.886H),<sup>192</sup> dan *al-Muntaqā min al-Arba‘īn al-Buldāniyyah* karya Abū Bakr yang disimpan di Maktabah al-Zāhiriyyah berjumlah 2 kertas.

### **3.4 Kitab *al-Arba‘ūn al-Buldāniyyah* Sheikh Yāsīn al-Fādānī**

Kajian ini berusaha mendedahkan maklumat umum dari data-data yang diperolehi sama ada primer mahupun sekuder, merangkumi Takrif tajuk kitab, *tauthīq* penisbahan kitab kepada Sheikh Yāsīn al-Fādānī, terbitan, cetakan dan spesifikasi Kitab serta isi kandungan dan sistematika kitab.

#### **3.4.1 Takrif Nama Tajuk Kitab**

Diantara karya Sheikh Yāsīn al-Fādānī dalam bidang Hadith jenis *al-Arba‘īnāt* ialah kitab *al-Arba‘ūn al-Buldāniyyah*. Nama penuh kitab ini ialah *al-Arba‘ūn al-Buldāniyyah: Arba‘ūn Ḥadīthan ‘an Arba‘īn Shaykhan min Arba‘īn Baladan*.

Kitab ini secara lengkap bernama “*al-Arba‘ūn al-Buldāniyyah: Arba‘ūn Ḥadīthan ‘an ‘Arba‘īn Shaykhan min Arba‘īn Baladan*” bermakna: *40 Negeri-Negeri: 40 Hadith (diperolehi) daripada Sheikh yang berasal dari 40 Negeri*. Secara istilah tajuk tersebut bermakna juzuk-juzuk Hadith yang mengandungi koleksi 40 Hadith yang diperolehi atau diriwayatkan pengarang kitab daripada 40 orang sheikh (guru) yang berasal dari 40 negeri atau kota.

---

<sup>192</sup> Al-Fanīsān, *al-Arba‘ūn al-Buldāniyyah*, 19.

Kitab ini adalah kitab Hadith yang bersaiz kecil disusun oleh penulisnya tidak berdasarkan pada tema Hadith yang dikhususkan tapi merupakan kumpulan 40 Hadith yang dikeluarkan atau diriwayatkan daripada sheikh (guru) yang mana satu sheikh dengan yang lainnya berasal ataupun menetap di negeri yang berbeza.

Sheikh Yāsīn al-Fādānī menulis dan menyusun sebanyak 40 Hadith dalam sesebuah juzuk atau kitab yang ringan dengan sanad-sanadnya sekali yang diperolehnya daripada guru-gurunya serta menyusunnya berdasarkan daerah atau kota guru tersebut berasal atau menetap.

### 3.4.2 *Tauthīq* Penisbatan Kitab kepada Sheikh Yāsīn al-Fādānī

Kitab *al-Arba‘ūn al-Buldāniyyah* adalah benar karya Sheikh Yāsīn al-Fādānī, ianya merupakan salah satu kitab di bidang Hadith yang telah dihasilkan dan disumbangkan oleh beliau dalam *al-Arba‘īnāt* di samping karya *al-Arba‘īnāt* yang lain.

Kebenaran kitab ini telah disebutkan sendiri oleh beliau dalam mukaddimah kitab tersebut di mana beliau berkata:

فأجمع في هذا الجزء اللطيف أربعين حديثاً من أربعين كتاباً بأسانيدي لها عن أربعين  
شيخاً من أربعين بلداً، مضيفاً به إلى أربعيناتي التي قد أندجزتها .

“Maka aku mengumpulkan dalam juzuk yang ringan ini sebanyak 40 Hadith dari 40 kitab dengan sanad-sanadku yang diriwayatkan daripada 40 orang guru yang berasal dari 40 negeri, sebagai tambahan kepada karya *al-Arba‘īnāt* milikku yang aku telah menyelesaikannya.”<sup>193</sup>

Selain beliau, para pentahkik dan penulis biografi beliau telah sepakat memasukkan kitab ini kedalam senarai karya-karya beliau tanpa ada seorang pun yang mengingkarinya. Di antara yang telah mengukuhkannya juga antaranya ialah:

<sup>193</sup> Yāsīn, *al-Arba‘ūn al-Buldāniyyah*, 4.



1. Dr. Sa'ūd bin 'Abd Allāh al-Fanīsān telah mensesenaraikan beberapa karya *al-Arba'īnāt al-Buldāniyyah* dalam *al-Arba'ūn al-Buldāniyyah fī al-Aḥādīth al-Najdiyyah: Arba'ūn Ḥadīthan min Arba'īn Kitāban*. Beliau menyebutkan bahawa Sheikh Yāsīn al-Fādānī telah menulis kitab *al-Arba'ūn al-Buldāniyyah: Arba'ūn Ḥadīthan min Arba'īn Shaykhan min Arba'īn Baladan*, yang dicetak pertama kali tahun 1363 Hijri dan diterbitkan oleh Dār al-Bashā'ir al-Islāmiyyah di Beirut pada kali kedua tahun 1407 Hijri.<sup>194</sup>
2. Zamzamī Sa'd al-Dīn Dimashqiyyah dalam *al-Fawā'id al-Janiyyah Ḥāshiyah al-Mawāhib al-Saniyyah Sharḥ al-Fawā'id al-Bahiyyah fī Nazm al-Qawā'id al-Fiqhiyyah*. Beliau menyebutkannya diantara karya-karya Sheikh Yāsīn al-Fādānī dalam sanad secara khusus.<sup>195</sup>
3. Muḥammad Khayr Ramaḍān Yūsuf dalam *Takmilah Mu'jam al-Mu'allifin: Wafayāt (1397-1415H/ 1977-1995M)*<sup>196</sup> dan *Tatimmah al-A'lām li Zarkālī: Wafayāt (1396-1415H/ 1976-1995M)*.<sup>197</sup>
4. H.M. Bibit Suprpto dalam *Ensiklopedi Ulama Nusantara: Riwayat Hidup, Karya dan Sejarah Perjuangan 157 Ulama Nusantara*.<sup>198</sup>
5. Jannatul Husna dalam disertasi bertajuk "Sheikh Yāsīn al-Fādānī (m.1990) dan Sumbangannya dalam Pengajian Hadith".<sup>199</sup>
6. Mohd Khafidz bin Soroni & Mohd. Norzi bin Nasir dalam makalah *Seminar Serantau Ilmuan Hadith dalam Peradaban di Alam Melayu* yang bertajuk

<sup>194</sup> Al-Fanīsān, *al-Arba'ūn al-Buldāniyyah*, 10.

<sup>195</sup> Yāsīn, *al-Fawā'id al-Janiyyah*, 45.

<sup>196</sup> Ramaḍān, *Takmilah Mu'jam*, 564.

<sup>197</sup> Ramaḍān, 2:236.

<sup>198</sup> Suprpto, *Ensiklopedi Ulama*, 813.

<sup>199</sup> Jannatul Husna, "Shaykh Yāsīn."

“Sheikh Muḥammad Yāsīn al-Fādānī (1916-1990) dan Ketokohnya dalam Ilmu Riwayah Hadith”.<sup>200</sup>

Demikian beberapa pentauthiqan para ulama dan sarjana Muslim terhadap kebenaran penisbatan karya ini kepada Sheikh Yāsīn al-Fādānī.

### 3.4.3 Terbitan, Cetakan dan Spesifikasi Kitab

Berdasarkan maklumat yang didapat dari catatan kaki mukaddimah kitab *al-Arba‘ūn al-Ḥadīthān* karya Sheikh Yāsīn al-Fādānī disebutkn bahawa penulisan kitab *al-Arba‘ūn al-Buldāniyyah* ini telah disempurnakan/ diselesaikan pada tahun 1364 H bersamaan dengan tahun 1945 M.<sup>201</sup>

Menurut satu literatur terdapat kenyataan yang menyebutkan bahawa kitab *al-Arba‘ūn al-Buldāniyyah* tersebut pertama kali dicetak pada tahun 1363 H bersamaan dengan tahun 1944 M dan diterbitkan di Beirut oleh Dār al-Bashā’ir al-Islāmiyyah pada kali yang kedua pada tahun 1407 H bersamaan dengan 1987 M.<sup>202</sup>

Merujuk kepada cetakan ke-2 terbitan Dār al-Bashā’ir al-Islāmiyyah ini yang sekali gus menjadi pegangan penulis dalam meneliti karya ini, kitab *al-Arba‘ūn al-Buldāniyyah* terdiri dari 80 muka surat<sup>203</sup> dengan saiz 17 x 24 cm dan dicetak di atas

---

<sup>200</sup> Khafiz, “Sheikh Muḥammad”, 143.

<sup>201</sup> Sheikh Muḥammad Yāsīn al-Fādānī telah menyelesaikan beberapa karya *al-Arba‘īnāt* iaitu *al-Arba‘ūn Ḥadīthān* pada tahun 1363 H kemudian pada tahun berikutnya yakni 1364 H beliau menyelesaikan kitab *al-Arba‘ūn al-Buldāniyyah* ini. Lihat Yāsīn, *al-Arba‘ūn Ḥadīthān*, 4.

<sup>202</sup> Al-Fanīsān, *al-Arba‘ūn al-Buldāniyyah*, 10-11.

<sup>203</sup> Kitab ini merupakan juzuk hadith bersize kecil, terdiri dari 80 muka surat yang merangkumi mukaddimah, isi kandungan dan fihris. Bermula dengan mukaddimah yang mengandungi 2 muka surat terdiri dari 5 paragraph yang terdapat pada muka surat ke-3 dan ke-4. Manakala isi kandungan daripada kitab ini terdiri dari ke-17 muka surat dimulai pada muka surat ke-5 sehingga muka surat ke-77. Kemudian ditutup dengan fihris sebanyak 2 muka surat terakhir yang terus pada pada muka surat ke-79 dan ke-80, bermakna dalam kitab ini tidak terdapat muka surat ke-78.

kertas berwarna putih.<sup>204</sup> Setakat ini belum dijumpai cetakan lain selain cetakan ke-2 dari penerbit Dār al-Bashā'ir al-Islāmiyyah.

#### 3.4.4 Kandungan dan Sistematika Kitab

Isi kandungan kitab *al-Arba'ūn al-Buldāniyyah* mengikut cetakan kedua terbitan Dār al-Bashā'ir al-Islāmiyyah, Beirut, terdiri daripada 3 bahagian, sebagai berikut:

1. Bahagian pertama merupakan mukadimah kitab mengandungi 2 muka surat sahaja.

Pada bahagian ini mengandungi beberapa perbahasan iaitu:

- a. Pujian kepada Allah serta selawat dan salam ke atas Rasulullah s.a.w., keluarga dan seluruh para sahabat beliau s.a.w.
- b. Pengenalan dan penjelasan istilah *al-Arba'īnāt* serta tujuan para Ulama dan penulisnya menulis karya itu. Pada bahagian ini Sheikh Yāsīn al-Fādānī menjelaskan sandaran para Ulama menulis karya ini yakni Hadith Nabi s.a.w. tentang kelebihan menghafaz 40 Hadith masalah agama. Kemudian beliau mengatakan bahawa Hadith itu *da'if*. Beliau juga menjelaskan maksud sebenar penulisan karya *al-Arba'īnāt* ialah untuk memudahkan umat serta menyampaikan Hadith Rasulullah s.a.w. melalui jalan dan wasilah (sarana) yang paling mudah serta Hadith itu sendiri yang mengukuhkan hal tersebut.<sup>205</sup>
- c. Penjelasan bahawa antara yang lahir dari pengkaryaan *al-Arba'īnāt* ialah *al-Arba'īnāt al-Buldāniyyah* yang ditulis oleh Hafiz Abū Ṭāhir al-Silafī (m.576H) dan Hafiz 'Abd al-Ḥafīz al-Jamāl Muḥammad Ṭāhir al-Fihri al-Fāsī (m.1383H) yang merupakan guru kepada Sheikh Yāsīn al-Fādānī.
- d. Tujuan penulisan kitab *al-Arba'ūn al-Buldāniyyah* iaitu untuk menerusi jejak para Ulama sebelumnya yang menulis kitab *al-Arba'īnāt al-Buldāniyyah* sekali

---

<sup>204</sup> Spesifikasi ini juga disebutkan oleh penerbitnya, Dār al-Bashā'ir al-Islāmiyyah dalam laman webnya, iaitu: <http://www.dar-albashaer.com/Arabic/books/showBook.aspx?BookID=18>.

<sup>205</sup> Yāsīn al-Fādānī, *al-Arba'ūn al-Buldāniyyah*, 3.

gus juga untuk menambah dan melengkapi koleksi beliau dalam karya *al-Arba ‘ināt*.<sup>206</sup>

2. Bahagian kedua mengandungi 43 muka surat yang memuatkan isi kitab yakni 40 Hadith Nabawi yang beliau riwayatkan secara bersambung sanadnya sehingga kepada Imam Hadith, daripada 40 orang gurunya. Hadith-Hadith yang beliau kumpulkan bukanlah Hadith-Hadith dengan tema-tema tertentu, melainkan koleksi Hadith yang diperolehi daripada 40 guru dari 40 tempat yang berasingan. Hadith-Hadith yang terdapat dalam kitab tersebut jika mengikut tema maka jumlahnya hanya 39 Hadith sahaja, kerana Hadith ke-4 dan Hadith ke-13 merupakan Hadith yang sama, tetapi berasingan sanad mahupun guru yang meriwayatkannya. Hadith ke-4 diriwayatkan daripada guru beliau bernama Sheikh Wajīh bin Aḥmad bin ‘Abūd ‘Abd al-Rahmān dari jalur Imam Muslim, manakala Hadith ke-13 diriwayatkan daripada guru beliau yang lain bernama Sayyid ‘Abd Allāh bin Tahir ‘Abd Allāh bin Ṭaha al-Ḥaddād dari jalur Imam Aḥmad bin Ḥanbal.
3. Manakala bahagian terakhir adalah fihris Hadith-Hadith atau kitab ini sebanyak 2 muka surat. Penulisnya tidak mengakhirkan karyanya ini dengan penutup, melainkan terus kepada fihris.

### 3.4.5 Kandungan Hadith

Kitab-kitab *al-Arba ‘ināt al-Buldāniyyah* adalah kitab yang bersaiz ringan/ kecil memuat 40 Hadith disandarkan kepada 40 orang guru yang berasingan tempat tinggal/ asalnya. Maknanya Hadith-Hadith yang terdapat dalam kitab ini disusun berdasarkan Hadith yang diperolehi oleh penulisnya daripada 40 orang gurunya yang berasal dari tempat yang berasingan. Metode pengumpulan Hadithnya tidak disusun berdasarkan satu tema/ motif tertentu seperti beberapa karya *al-Arba ‘ināt* yang lain.

---

<sup>206</sup> *Ibid.*, 4.

Meskipun koleksi Hadith-Hadith dalam kitab *al-Arba'ūn al-Buldāniyyah* ini disusun berdasarkan kumpulan guru dari 40 kota/ negeri, penulisnya telah memilih-milih topik apa sahaja yang diletakkannya didalam kitabnya itu. Hadith-Hadith tersebut adalah:

**Hadith pertama:** Hadith tentang pahala yang diperoleh bagi sesiapa yang memberikan pinjaman dan menunjuki jalan bagi orang yang tersesat.

**Hadith kedua:** Hadith tentang memuliakan al-Qur'an dengan cara mempelajari keindahan-keindahan bahasa Arab, detail-detailnya serta rahasia-rahasia yang terkandung didalamnya.

**Hadith ketiga,** Hadith tentang 3 orang yang dapat merasakan *halwah al-imān* (madu/ manisnya keimanan).

**Hadith keempat,** Hadith tentang kemesraan Rasulullah s.a.w. dengan manusia dan bertabarruk, melalui jalur Imam Muslim.

**Hadith kelima,** Hadith tentang malaikat Allah yang sentiasa menyampaikan salam kepada Rasulullah s.a.w daripada umat beliau s.a.w.

**Hadith keenam,** Hadith tentang taubat diterima sebelum matahari terbit dari arah barat.

**Hadith ketujuh,** Hadith kelebihan saling mencintai kerana Allah dan bersalawat ke atas Nabi s.a.w.

**Hadith kedelapan,** Hadith tentang perintah membaca al-Qur'an dengan suara yang indah.

**Hadith kesembilan,** Hadith tentang tata cara khutbah dua hari raya Rasulullah s.a.w. dengan memperbanyak takbir.

**Hadith kesepuluh,** Hadith tentang keberkahan membaca *Hamdalah* setiap kali memulai sesuatu ucapan dan bersalawat ke atas Rasulullah s.a.w.

**Hadith kesebelas**, Hadith tentang Rasulullah s.a.w. berbicara pada hari Juma'at apabila beliau turun dari mimbar.

**Hadith keduabelas**, Hadith tentang kebaikan bagi orang yang membela keluarganya selama tidak dalam perbuatan dosa.

**Hadith ketigabelas**, Hadith ini sama dengan Hadith keempat dalam kitab ini, tetapi melalui guru yang berbeza dan jalur daripada Imam Aḥmad bin Ḥanbal.

**Hadith keempatbelas**, Hadith tentang azab bagi *al-muṣawwirūn* (para pelukis gambar makhluk bernyawa).

**Hadith kelimabelas**, Hadith tentang kelebihan orang yang menghilangkan setiap gangguan dijalan yang menyakiti orang lain.

**Hadith keenambelas**, Hadith tentang sifat Syurga yang memiliki bilik-bilik yang tergantung tanpa sandaran dan tanpa tali.

**Hadith ketujubelas**, Hadith tentang akan datang sebelum kiamat 30 para pendusta yang mendakwahkan sebagai Nabi.

**Hadith kedelapanbelas**, Hadith tentang Allah malu untuk tidak mengabulkan doa seorang hamba yang berdoa kepada-Nya sambil mengangkat kedua tangannya.

**Hadith kesembilanbelas**, Hadith tentang larangan dari benci kepada Arab.

**Hadith keduapuluh**, Hadith tentang memberikan kemaafan kepada para pemimpin kecuali dalam masalah had (hukum) Allah.

**Hadith keduapuluhsatu**, Hadith tentang larangan dari berlaku sombong dan membangga-banggakan nenek moyang yang merupakan perbuatan jahiliyyah.

**Hadith keduapuluhdua**, Hadith tentang bacaan kepada orang yang bersin berkali-kali.

**Hadith keduapuluhtiga**, Hadith tentang *al-Ḥawḍ* (telaga).

**Hadith keduapuluhempat**, Hadith tentang doa Rasulullah s.a.w. untuk Abū 'Āmir al-'Ash'arī.

**Hadith kedupuluhlima,** Hadith tentang tidak sempurna iman seseorang sehingga ia mencintai untuk saudaranya seperti dia mencintai bagi dirinya sendiri.

**Hadith kedua puluh enam,** Hadith tentang *tabaqah* atau kedudukan/ kelebihan ‘Alī bin Abū Ṭālib r.a.

**Hadith kedupuluh tujuh,** Hadith tentang seseorang yang mengeraskan zikirnya kemudian didapati api di atas kuburnya.

**Hadith kedupuluh delapan,** Hadith tentang Allah akan menguatkan agamanya melalui orang-orang yang bukan dari ahli agama di kalangan umat Islam.

**Hadith kedupuluh sembilan,** Hadith tentang perdebatan para syuhada dan orang-orang yang meninggal ditempat tidurnya mengenai orang yang mati kerana penyakit *ṭā’ūn*.

**Hadith ketigapuluh,** Hadith tentang hisab Allah yang berat kepada orang-orang yang diberikan kelebihan harta.

**Hadith ketigapuluh satu,** Hadith tentang kelebihan orang yang mempelajari al-Qur’an dan mengajarkannya.

**Hadith ketigapuluh dua,** Hadith tentang niat.

**Hadith ketigapuluh tiga,** Hadith tentang pokok *al-Shakha’* milik para dermawan yang disediakan di Syurga dan pokok *al-Shah* milik orang bakhil yang disediakan di Neraka.

**Hadith ketigapuluh empat,** Hadith tentang pelbagai kenikmatan didatangkan pada hari kiamat berserta kebaikan dan keburukan.

**Hadith ketigapuluh lima,** Hadith tentang memperhatikan kondisi jama’ah (makmum) bagi imam yang hendak mengimami mereka.

**Hadith ketigapuluh enam,** Hadith tentang kecintaan seseorang kepada kaumnya tidak dikira maksiat selama tidak bersikap zalim.

**Hadith ketigapuluh tujuh,** Hadith tentang tidak memperoleh syafaat Rasulullah s.a.w. sesiapa yang memperdaya (menipu) orang Arab.

**Hadith ketigapuluh delapan,** Hadith tentang kelebihan orang-orang yang memberikan kemaafaan dan bersikap tawaduk (rendah hati).

**Hadith ketigapuluh sembilan,** Hadith tentang seorang wanita yang hamil (mengandung) apabila ia telah melahirkan.

**Hadith keempatpuluh,** Hadith tentang sifat sembahyang yang menyerupai sembahyang Rasulullah s.a.w.

### **3.4.6 Sumber Rujukan**

Hadith-Hadith yang dikeluarkan Sheikh Yāsīn al-Fādānī dalam kitab *al-Arba‘ūn al-Buldāniyyah* ini bersumberkan kepada 40 guru yang berasingan dan sanad yang berasingan pula, serta daripada kitab-kitab yang pelbagai.

Maka itu sumber rujukan kitab ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu sumber guru dan sumber rujukan kitab. Sumber-sumber itu adalah sebagai berikut:

#### **3.4.6(a) Sumber Rujukan Guru**

Sheikh Yāsīn al-Fādānī mengumpulkan dalam kitabnya ini sebanyak 40 orang guru dari pelbagai daerah (kampung) yang telah meriwayatkan Hadith kepada beliau dengan sanadnya sekali. Pada umumnya para guru beliau tersebut berasal 11 Negara, dan 39 atau 40 daerah kecil (kampung). Negara beserta kampung-kampung itu ialah sebagai berikut:

##### **1. Negara Arab Saudi**

Sheikh Yāsīn al-Fādānī memulakan riwayat Hadith daripada guru-guru beliau yang berasal dari negara Arab Saudi. Terutama sekali dari kota Makkah dan Madinah. Mula-mula sekali beliau meriwayatkan daripada gurunya yang berasal dari kota



Makkah, iaitu Sheikh Muḥammad ‘Alī bin Ḥusayn bin Ibrāhīm al-Mālikī al-Makkī, Imam, al-‘Allāmah, al-Muḥaddith, al-Muḥaqqiq (m.1367H).<sup>207</sup>

Tiada perbezaan di kalangan kaum Muslimin tentang kelebihan dan kebesaran kedua kota ini. Malah sebelum beliau, penulis kitab *al-Arba ‘ināt al-Buldāniyyah*, Hafiz Abū Ṭāhir al-Silafī al-Aṣbahānī (m.576H) dan Hafiz Ibn ‘Asākir (m.571H) pun juga memulakan riwayat Hadith daripada guru yang berasal dari kota Makkah ini.<sup>208</sup> Seterusnya daripada guru yang berasal dari kota Madinah bernama Sheikh Zakī bin Aḥmad bin Zayn al-‘Ābidīn al-Barzanjī, *al-‘Allāmah al-Muḥaddith al-Faqīh*, al-Qāḍī (m.1365H).<sup>209</sup>

Kemudian gurunya (Sheikh Yāsīn al-Fādānī) daripada Ṭā’if dan Jeddah, iaitu Sheikh Thābit bin ‘Abd al-Rahmān bin Sulaymān bin ‘Abd al-Wahhāb bin ‘Alī al-‘Afīfī al-Ṭā’ifī (m.1365H) dan Sheikh Wajīh bin Aḥmad bn ‘Abūd ‘Abd al-Rahmān yang

---

<sup>207</sup> Biografi Sheikh Muḥammad ‘Alī bin Ḥusayn bin Ibrāhīm al-Mālikī al-Makkī dapat juga dilihat dalam website: <http://www.ruowaa.com/vb3/showthread.php?t=31402>. Beliau adalah seorang ahli ilmu dalam *uṣūl* dan *furū’* dan pakar dalam Nahwu sehingga digelar “al-Faqīh Sibawayh fī Zamānih” (faqīh Sibawayh zamannya). Beliau merupakan seorang pakar ilmu sama ada *uṣūl* mahupun *furū’*, serta pakar di bidang nahw sehingga digelar sebagai *al-Faqīh Sibawayh Zamānih*. Dilahirkan pada tahun 1287 H di Makkah al-Mukarramah, dan wafat pada hari Isnin, 28 Sya’ban tahun 1367 H di Ṭāif. Sheikh Yasin al-Fadani juga mengambil sanad Kitab *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* daripada beliau. Lihat: Muhammad Yasin bin ‘Isa al-Fadani (1429H/ 2008M), *al-Asanid al-Makkiyyah li Kutub al-Hadith wa al-Siyar wa al-Shama’il al-Muhammadiyah*, c. 2, Beirut: Dar al-Basha’ir al-Islamiyyah, h. 3. Beliau (Muḥammad ‘Alī bin Ḥusayn bin Ibrāhīm al-Mālikī al-Makkī) belajar dan mengambil (sanad) hadith kepada beberapa tokoh Ulama besar diantaranya bapanya bernama Sheikh Ḥusayn bin Ibrāhīm al-Azhārī al-Mālikī (m.1292H), saudaranya sekali gus seorang mufti madhhab Mālikī di Makkah yang bernama Sheikh ‘Ābid bin Ḥusayn al-Makkī al-Mālikī (m.1341H), al-‘Allamah Sayyid Abū Bakr bin Muḥammad Shaṭā al-Makkī al-Shāfi’ī (m.1310H), al-‘Allāmah Sheikh ‘Abd al-Ḥaq al-Ilhābādī (m.1323H), Hafiz Sayyid Muḥammad ‘Abd al-Ḥayy bin ‘Abd al-Kabīr al-Kattānī al-Fāsi (m.1382H) dan selain mereka. Selanjutnya Lihat Yāsīn al-Fādānī, *Fayḍ al-Mubdī*, 62-64. Dan Lihat juga Khālid Bukhārī, “al-‘Allāmah al-Muḥaqqiq al-Mudaqqiq al-Faqīh wa Sibawayh ‘Aṣr al-Shaykh ‘Alī Ḥusayn al-Mālikī al-Makkī”, laman sesawang *Ruwā’*, dicapai 29 April 2013, <http://www.ruowaa.com/vb3/showthread.php?t=31402>.

<sup>208</sup> Al-Silafī, *al-Arba ‘in al-Buldāniyyah*, 34 dan ‘Asākir, *al-Arba ‘un al-Buldāniyyah*, 47.

<sup>209</sup> Nama penuh beliau adalah Muḥammad Zakī bin Aḥmad bin Ismā’īl bin Zayn al-‘Ābidīn bin Muḥammad ‘Abd al-Hādī al-Barzanjī al-Madanī. Beliau merupakan seorang mufti kalangan Shafi’iyah di Madinah dan termasuk diantara tokoh Ulama Hijaz pada kurun ke-13 H. Dilahirkan di Madinah al-Munawwarah pada Rabi’ al-Thānī tahun 1294 H bersamaan tahun 1877 M dan wafat pada 23 Sya’ban tahun 1365 H bersamaan dengan tahun 1948 M. Mengambil hadith daripada ayahnya Aḥmad bin Ismā’īl al-Barzanjī, seorang mufti madhhab Shāfi’ī di Madinah al-Munawwarah. Lihat Yāsīn, *Fayḍ al-Mubdī*, 36-37. Lihat juga Sa’ūd ‘Abd al-Ghānī, “al-Qadi al-Shaykh Ahmad Zaki Ahmad Isma’al al-Barzanji, laman sesawang *Aḥbāb Ṭayyibah*, dicapai 1 Mei 2013, <http://www.ahbab-taiba.com/vb/showthread.php?t=16965>.

digelari dengan *al-‘Afīf al-Hijrī* lalu *al-Jadāwī al-Kattānī* masyhur dengan nama Ibn ‘Afīf (m.1352H).

## 2. Negara Yaman

Negara Yaman adalah negara yang paling banyak Sheikh Yāsīn al-Fādānī mengambil sanad Hadith dalam kitab ini, diantaranya dari Ṣan’ā iaitu Sheikh al-Mu’ammār al-Qādī, Ḥusayn bin ‘Alī bin Muḥammad al-Amrī al-Ṣan’ānī. (m.1361H). Seterusnya dari al-Mikhlāf Ṭāiz bernama Sheikh Khālīd bin ‘Uthmān bin Aḥmad bin Muḥammad al-Mikhlāfī (m.1397H). Dari Zabīd bernama Sheikh al-Mu’ammār Sayyid ‘Abd al-Qādir bin Ḥusayn bin Ṭāhir bin Aḥmad al-Anbārī al-Zubaydī (m.1366H).

Kemudian dari kota Halb ada dua orang guru iaitu Sheikh Sayyid Abū Muḥammad ‘Abd al-Qādir bin Yaḥyā al-Ḥalabī (m.1360H) dan Sheikh Muḥammad bin Badr al-Dīn bin Abū Farās al-Halabī.

Manakala yang berasal daripada Murāwa’ah bernama Sheikh Sayyid ‘Abd al-Rahmān bin Muḥammad bin ‘Abd al-Rahmān bin Ḥasan bin ‘Abd al-Bārī al-Ahdal (m.1372H), mufti Murāwa’ah.

Seterusnya gurunya yang berasal daripada al-Manṣūriyyah bernama Sheikh al-Mu’ammār Sayyid Dāwud bin Ḥasan Yaḥyā al-Bahr. Dari Tarīm bernama Sheikh Muḥammad bin ‘Iwaḍ Bafaḍal al-Tarīmī al-Shāfi’ī (m.1369H).

Selain itu, guru beliau daripada Negeri Yaman adalah berasal daripada Hadramaut sebanyak 3 orang, iaitu Saywūn bernama Sheikh Sayyid Muḥammad bin Hādī bin Ḥasan bin ‘Abd al-Rahmān al-Saqqāf (m.1382H).

Daripada Qadyūn bernama Sheikh Sayyid ‘Abd al-Rahmān bin Ṭāhir bin ‘Abd Allāh bin Ṭaha al-Haddād (m.1367H). Daripada ‘Aynāt iaitu Sheikh Sayyid Ḥasan bin Ismā’īl bin ‘Alī al-Ḥāmid bin al-Sheikh Abū Bakr bin Sālim (m.1367H), dan daripada Mashaṭṭah bernama Sheikh Sayyid Sālim bin Ḥafīz bin ‘Abd Allāh bin Abū Bakr bin ‘Idrūs al-‘Alawī (m.1378H).

### 3. Negara Syria

Sheikh Yāsīn al-Fādānī menerima Hadith secara bersanad daripada Sheikh Maḥmūd bin Rashīd bin Muḥammad al-‘Aṭṭār al-Dimashqī (m.1362H) berasal dari Damsyik, dan Sheikh Aḥmad bin Salīm Murād Amīn (m.1379H) berasal dari Ḥimāh.

### 4. Negara Mesir

Guru beliau dalam kitab ini yang berasal dari Mesir adalah Sheikh Sayyid Aḥmad bin Muḥammad bin ‘Abd al-‘Azīz bin Rāfi’ al-Qāsīmī al-Ṭaḥṭawī al-Ḥanafī (m.1355H) dari kota Kaherah, dan Sheikh Muḥammad Abū al-Naṣr bin al-Sheikh Muḥammad Salīm Khalaf al-Himṣī dari Hims.

### 5. Negara Lubnan

Guru beliau dari Lubnan adalah Sheikh Muṣṭafā bin Muḥamad bin Salīm al-Ghalāyaynī, al-Qāḍī (m.1364H) berasal dari Beirut.

### 6. Negara Palestin

Guru beliau dari kota al-Quds, Palestin bernama Sheikh Abū al-Wafā’ Khalīl Jawād bin Badr bin Muṣṭafā al-Khālidi al-Makhzūmī al-Qarashī al-Maqdisī (m.1360H).

### 7. Negara Maghrib (Marocco)

Guru beliau yang dari Negara Maghrib ini ada sebanyak 4 orang, iaitu yang berasal daripada kota al-Fās bernama Sheikh Hafīz ‘Abd al-Ḥafīz bin al-Ṭāhir bin ‘Abd al-Kabīr al-Fahrī al-Fāsi<sup>210</sup> (m.1383H). Dari al-Marākishī bernama Sheikh Abū ‘Abbās Aḥmad Shu’ayb bin al-Ḥusayn al-Azmūrī al-Marākishī al-Maghribī al-Mālīkī (m.1355H).

Manakala yang berasal daripada Tilmisān pula bernama Sheikh ‘Abd al-Ḥamīd bin Bādīs (m.1359H), dan yang berasal dari Tihānah iaitu Sheikh Ashraf ‘Alī bin ‘Abd al-Ḥaqq al-Tahānawī al-Ḥanafī (m.1362H).

---

<sup>210</sup> Penulis kitab *al-Arba’īnāt al-Buldāniyyah* bertajuk *Intizāl al-Sakīnah al-Raḥmāniyyah bi al-Taḥdīth bi al-Arba’īn al-Buldāniyyah*.

## 8. Negara Irak

Guru beliau dari Irak berasal dari kota Baghdad iaitu Sheikh Jamīl Ṣidqī Afnādī bin Muḥammad Fayḍī al-Zahāwī al-Baghdādī (m.1354H).

## 9. Negara India

Terdapat seorang sahaja dari Negara ini, iaitu Sheikh al-Mu'ammār Thanā' Allāh bin 'Alī Khān bin al-Ḥusayn Shā' al-'Amrī al-Khaṭṭābī al-Kalkatāwī al-Hindī (m.1358H), berasal dari Calcutta (Kalkuta), Bengal Barat.

## 10. Negara Indonesia

Sumber guru terbesar Sheikh Yasin al-Fadani dalam kitab ini setelah Yaman adalah Indonesia. Mereka berasal dari pelbagai daerah yang terdapat di Indonesia, di antaranya adalah Jakarta, guru beliau bernama Sheikh Kyai Aḥmad Marzūqī bin Mirṣād bin Nawm bin Ṭayyib bin 'Abd Allāh bin Ṭāhir al-Shāwī (m.1355H).

Kemudian yang berasal daripada Banten ada 2 orang, iaitu dari Tangerang bernama Sheikh al-Mu'ammār Kiyai Jam'ān bin Samūn al-Tanqirānī (m.1381H) dan dari Serang bernama Sheikh Muḥsin bin Rādīn (Raden) Muḥammad bin Rādīn (Raden) Jalāl al-Dīn Ṭāhir al-Sirānjī al-Bantanī (m.1359H).

Gurunya yang berasal daripada Jawa Tengah juga ada 2 orang, iaitu daripada Semarang bernama Sheikh Sayyid Husayn bin Muhammad bin 'Umar bin 'Uqayl bin 'Abd Allah bin 'Uqayl (m.1363H) dan daripada Lasem bernama Sheikh Kyai Ma'ṣūm bin Aḥmad bin 'Abd al-Karīm al-Lasimī (m.1392H).

Dan daripada Jawa Timur pula ada sebanyak 5 orang, iaitu dari kota Surabaya bernama Sheikh Sayyid 'Umar bin Ṭaha bin 'Alī bin Yaḥyā. Berasal dari Jombang bernama Sheikh Kyai Hashim bin Ash'ari al-Jumbani (m.1366H).

Manakala yang berasal daripada Jember bernama Sheikh Kyai Ṣiddīq 'Abd Allāh bin Ṣāliḥ bin Muḥammad al-Lāsimi. Daripada Malang pula bernama Sheikh Sayyid Ḥāmid bin Muḥammad bin Sālim al-Sarrī al-Tarīmī al-Haḍrāmī (m.1397H),

tinggal di Tarīm, Hadramaut, dan dari Probolinggo adalah Sheikh Kyai Haji Ḥasan bin Kyai Shams al-Dīn al-Qanqawnī (m.1353H).

Selain yang berasal dari Pulau Jawa, guru beliau yang dijadikan sumber dalam kitabnya ini ada yang berasal dari pulau Sumatera, yakni kota Palembang, Sumatera Selatan bernama Sheikh ‘Abd Allāh bin Azhārī bin ‘Abd Allāh bin Muḥammad ‘Ashīq al-Dīn Muḥammad al-Falimbānī (m.1357H).

#### **11. Negara Malaysia:**

Guru beliau yang terakhir dalam kitab masih wiliayah Nusantara, iaitu dari Malaysia, bernama Sheikh Sayyid ‘Alawī bin Ṭāhir bin ‘Abd Allāh bin Ṭaha al-Ḥaddād (m.1382H) yang berasal dari Johor.

#### **3.4.6(b) Sumber Rujukan Kitab Hadith**

Kitab *al-Arba‘ūn al-Buldāniyyah* adalah kitab yang mengandungi 40 Hadith yang diterima secara bersambung sanadnya oleh Sheikh Yāsīn al-Fādānī daripada 40 orang guru yang berasal dari negri/ kampung yang berasingan. Sanad-sanad tersebut sentiasa sampai kepada pemilik kitab asal Hadith Nabi s.a.w. yang telah diriwayatkan oleh para Imam Hadith klasik.

Sekalipun tidak secara spesifik beliau menyebutkan sumber kitab melainkan hanya beberapa sahaja, tetapi dapat ditelusuri sumber asal kitab yang mengeluarkan Hadith dalam kitab *al-Arba‘ūn al-Buldāniyyah* ini. Di antara kitab-kitab itu ialah sebagai berikut:

1. Kitab induk Hadith yang sembilan (*al-Kutub al-Tis‘ah*) selain kitab al-Muwatta’ karya Imam Mālik, diantaranya adalah:
  - *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, karya Imam Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Ismā’īl al-Bukhārī (m.256H).

- *Ṣaḥīḥ Muslim*, karya Imam Abū al-Ḥusayn Muslim bin al-Ḥajjāj al-Qushayrī al-Naysābūrī (m.261H).
  - *Sunan Abī Dāwud*, karya Imam Abū Dāwud Sulaymān bin al-Ash'ath al-Sijistānī al-Azdī (m.275H).
  - *Sunan al-Nasā'ī*, Imam Abū 'Abd al-Rahmān Aḥmad bin Shu'ayb bin 'Alī (m.303H).
  - *Sunan Ibn Mājah*, karya Imam Abū 'Abd Allāh Muḥammad bin Yazīd al-Quzwaynī (m.273H).
  - *Musnad Imam Aḥmad bin Ḥanbal*, karya Imam Abū 'Abd Allāh Aḥmad bin Ḥanbal al-Shaybānī (m.241H).
2. Kitab Musnad selain *Musnad al-Imām Aḥmad bin Ḥanbal*, di antaranya adalah:
    - a. Kitab *Musnad Abī Dāwud al-Ṭayālisī*, karya Sulaymān bin Dāwud bin al-Jārūd (m.204H).
    - b. *Musnad Abī Ya'lā al-Mawṣulī*, karya Imam Aḥmad bin 'Alī al-Tamīmī (m.307H).
  3. Kitab *al-Muṣannaḥ*, karya Hafiz Abū Bakr 'Abd Allāh bin Muḥammad bin Ibrāhīm Ibn Abū Shaybah (m.235H).
  4. Kitab Mu'jam, yakni *al-Mu'jam al-Ṣaghīr* karya Hafiz Abū Qāsim Sulaymān bin Aḥmad bin Ayyūb al-Ṭabrānī (m.360H).
  5. Kitab *al-Mustadrāk 'alā al-Saḥīḥayn*, karya Imam Abū 'Abd Allāh al-Ḥākim al-Naysabūrī (m.411H).
  6. Kitab *al-Muntaqā*, karya Abū Muhammad 'Abd Allāh bin 'Alī bin al-Jārūd al-Naysābūrī (m.307H).
  7. Kitab *Mushkil al-Āthār*, karya Imam Abū Ja'far Aḥmad bin Muḥammad bin Salāmah al-Ṭaḥāwī al-Ḥanafī (m.321H)

8. Kitab *al-Adhkār*, seperti Kitab '*Amal al-Yawm wa al-Laylah*, karya Aḥmad bin Muḥamad Ishāq bin Ibrāhīm/ Ibn Sunni (m.364H).
9. Kitab *al-Akḥbār al-Madīnah*, karya Zubayr bin Bikār bin 'Abd Allāh al-Qarashīal-Asadī (m.256H).
10. Kitab *Tarīkh Baghdād*, karya Hafiz Aḥmad bin 'Alī bin Thābit al-Khaṭīb al-Baghdādī (m.463H).
11. Kitab *Ḥilyah al-Awliyā' wa Tabaqāt al-Aṣfiyā'*, karya Hafiz Abū Nu'aym Aḥmad bin 'Abd Allāh bin Mahrān al-Asbahānī (m.430H).
12. Kitab *Tafsīr al-Baghawī*, karya Abd Allāh bin Muḥammad bin 'Abd al-'Aziz al-Baghawī.

Demikianlah dapatan kajian yang diperolehi daripada maklumat-maklumat mengenai kitab *al-Arba'ūn al-Buldāniyyah*. Manakala kajian yang lebih mendalam, kritis dan analitik berdasarkan kumpulan data-data dan fakta yang didapat tentang kitab ini akan dihuraikan pada bab keempat penyelidikan ini.

### 3.5 Kesimpulan

Ulama Nusantara telah memberikan sumbangan dalam pengkaryaan *al-Arba'inat*, dan Sheikh Muḥammad Yāsīn al-Fādānī merupakan salah seorang diantara Ulama tersebut. Beliau telah menulis kitab *al-Arba'ūn al-Buldāniyyah*.

Nama penuh kitab ini adalah Kitab ini secara lengkap bernama "*al-Arba'ūn al-Buldāniyyah: Arba'ūn Ḥadīthan 'an 'Arba'in Shaykhan min Arba'in Baladan*" bermakna: *40 Negeri-Negeri: 40 Hadith (diperolehi) daripada Sheikh yang berasal dari 40 Negeri*. Secara istilah tajuk tersebut bermakna juzuk-juzuk Hadith yang mengandungi koleksi 40 Hadith yang diperolehi atau diriwayatkan pengarang kitab daripada 40 orang sheikh (guru) yang berasal dari 40 negeri atau kota.

Kitab ini telah diselesaikan dan disempurnakan pada tahun pada tahun 1364 Hijri bersamaan dengan tahun 1945 Masihi. Menurut satu literatur terdapat kenyataan yang menyebutkan bahawa kitab *al-Arba'ūn al-Buldāniyyah* tersebut pertama kali dicetak pada tahun 1363 Hijri bersamaan dengan tahun 1944 Masihi dan diterbitkan di Beirut oleh Dār al-Bashā'ir al-Islāmiyyah pada kali yang kedua pada tahun 1407 H bersamaan dengan 1987 M.

Kitab *al-Arba'ūn al-Buldāniyyah* ini terdiri dari 3 bahagian, yakni mukaddimah kitab, kandungan isi, dan fihris, beliau tidak menutup kitab tersebut dengan penutup tetapi terus kepada fihris. Kitab ini pula mengandungi sebanyak 40 Hadith yang diriwayatkan beliau melalui 40 guru yang berasal dari negeri dan kawasan yang berasingan.